

MAHATHIR

1972

KUALA LUMPUR, 29 NOV. (BERNAMA) — PERDANA MENTERI, TUN ABDUL RAZAK, HARI INI TELAH MELANTEK DR. MAHATHIR BIN MOHAMED SEBAGAI PENERUS BARU FIMA DAN AKAN MULA BERTUGAS DARI 10B, JANUARI DEPAN.

MENURUT SATU KENYATAAN PEJABAT PERDANA MENTERI HARI INI PERLANTIKAN TERSEBUT DIBUAT DENGAN PERSETUJUAN MENTERI PERUSAHAAN UTAMA, DATUK HAJI ABDUL TAIB MAHMUD.

DR. MAHATHIR, SEORANG AHLI MAJLIS TERTINGGI UMNO, MENGGANTIKAN PENERUS SEKARANG, ENCIK JAMIL BIN MOHAMED JAN YANG AKAN TAMAT PERKHIDMATANYA PADA AKHIR TAHUN INI.

MENURUT KENYATAAN TERSEBUT, INI TIDAK UNTUK MEMBOLEHKAN ENCIK JAMIL YANG JUGA MENJADI PENERUS LEMBAGA KEMAJUAN PERINDUSTRIAN PERSEKUTUAN (FIDA) MENUMPUKAN SEPENUH PERHATIAN KEPADA USAHA PENGGALAKAN PELABURAN DI BIDANG PERINDUSTRIAN.

INI JUGA MEMBOLEHKAN ENCIK JAMIL SEBAGAI PENERUS LEMBAGA KEMAJUAN GETAH MALAYSIA (MRDC) MENUMPUKAN PERHATIAN UNTUK MEMAJUKAN PERUSAHAAN GETAH BAGI PEKEBUN-PEKEBUN KECIL. — BERSAMBUNG 1348/1B

549:

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR DILAHIRKAN PADA 20 DECEMBER 1925 DAN MENDAPAT DIDIKAN RENDAH DI SEKOLAH MELAYU SEBERANG PERAK, ALOR SETAR KEMUDIAN MELANJUTKAN PELAJARAN KE MAKTAB SULTAN ABDUL HAMID.

BELIAU MENDAPAT IJAZAH PERUBATAN DARI UNIVERSITI MALAYA DI SINGAPURA DAN BERKHIDMAT DENGAN KERAJAAN SELAMA EMPAT TAHUN MULAI 1953.

SEKARANG INI BELIAU MEMBUKA KELINIK SENDIRI DI ALOR SETAR. BELIAU JUGA ADALAH BEKAS ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN KOTA SETAR SELATAN DARI 1964 HINGGA 1969. — BERNAMA. 1353//1B